KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Prestasi pertumbuhan ekonomi global yang kukuh

Pertumbuhan ekonomi global bertambah kukuh pada suku pertama. Ekonomi Amerika Syarikat (AS) meningkat dengan lebih nyata berbanding dengan kadar pertumbuhan yang sederhana pada suku keempat 2005. Di samping itu, pertumbuhan di rantau Asia kekal kukuh, disokong oleh kitaran menaik elektronik dan pertumbuhan yang lebih mantap di RR China.

Pertumbuhan ekonomi **AS** pada 5.3% pada suku pertama merupakan pertumbuhan pada kadar terpantas dalam tempoh 2½ tahun, dan pengembangannya adalah menyeluruh. Penggunaan adalah teguh, disokong oleh pertumbuhan pekerjaan yang kukuh. Namun begitu, pasaran perumahan di AS terus perlahan kerana jualan rumah merosot manakala bilangan rumah untuk jualan mencecah rekod tertinggi baru. Perbelanjaan kerajaan meningkat berikutan perbelanjaan atas usaha pembinaan semula sesudah taufan melanda Teluk Mexico pada tahun 2005 sementara pelaburan perniagaan didorong terutamanya oleh perbelanjaan atas peralatan dan perisian. Di **Jepun**, penunjuk ekonomi terus mencerminkan terutamanya pemulihan ekonomi yang stabil. Kaji Selidik Tankan menunjukkan bahawa prospek keadaan perniagaan, terutamanya bagi firma besar, kekal menggalakkan bagi separuh tahun pertama 2006, berikutan pertumbuhan dalam perbelanjaan modal dan guna tenaga. Di **kawasan euro**, aktiviti ekonomi berkembang 2%. Jerman**,** yang merupakan ekonomi terbesar di rantau itu meningkat 1.4% pada suku pertama berikutan permintaan dalam negeri yang lebih tinggi. Ini diterajui terutamanya oleh perbelanjaan modal tetap yang lebih tinggi dan perbelanjaan penggunaan isi rumah yang meningkat. Itali juga mencatat pertumbuhan yang lebih baik pada suku pertama, dengan mengembang 1.5% hasil daripada pengeluaran perindustrian yang lebih tinggi. Sementara itu, aktiviti ekonomi di **UK** berkembang 2.2% pada suku pertama dan disokong terutamanya oleh pengembangan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. **Dasar monetari** global terus menjurus kepada pengetatan. **Federal Reserve Board (Fed) AS** terus menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada bulan Januari, Mac, April dan Mei, menjadikan kadar Fed Fund meningkat kepada 5%. Pernyataan terkini menunjukkan bahawa beberapa lagi pengukuhan dasar akan diteruskan untuk menangani risiko inflasi tetapi ia menekankan bahawa tindakan pada masa depan bergantung pada perkembangan prospek ekonomi. **Bank of Japan** memansuhkan rangka kerja pelonggaran secara kuantitatif pada 9 Mac 2006 dan kini mensasarkan kadar faedah semalaman. Sementara itu, pada bulan Mac, **European Central Bank (ECB)** menaikkan kadar pembiayaan semula utama sebanyak 25 mata asas, menjadikan kadar utamanya meningkat kepada 2.50%.

Negara-negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2005			2006	
	S1	S4	Tahun	S1[p]	**Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S1**
	Perubahan Tahunan (%)				
AS[1]	3.8	1.7	3.5	5.3	Pengembangan yang menyeluruh, disokong oleh perbelanjaan dan pelaburan perniagaan yang kukuh.
UK	1.9	1.8	1.8	2.2	Disokong oleh pertumbuhan pengeluaran perindustrian, terutamanya sektor perkilangan.
Kawasan euro	1.2	1.8	1.4	2.0	Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan domestik yang lebih tinggi di Jerman dan pertumbuhan yang lebih baik di Itali.
Jepun[1]	5.9	4.3	2.6	1.9	Disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, iaitu perbelanjaan modal dan penggunaan swasta.

[1] Berasaskan kadar tahunan (*annualised*)
[p] Awalan
Sumber: Pihak berkuasa negara

Harga minyak mentah global meningkat menjelang akhir suku pertama dan ditutup pada USD67.30 setong pada 30 Mac, iaitu paras tertinggi selama dua bulan dalam suasana kebimbangan mengenai bekalan di Nigeria serta potensi gangguan bekalan di Iran dan Iraq, dan ancaman mogok oleh pekerja dalam sektor tenaga di Eropah (Perancis dan Norway). Harga minyak mencatat paras tertinggi baru pada bulan April, mencecah USD75.35 setong pada 21 April selepas kerajaan AS melaporkan penurunan inventori gasolin yang melebihi jangkaan. Sehingga kini, lonjakan kos minyak masih belum memperlahankan pertumbuhan permintaan terhadap minyak dan pertumbuhan global.

Di **rantau Asia**, aktiviti ekonomi kekal pesat dengan pertumbuhan di RR China, Singapura dan Korea terus bertambah kukuh pada suku pertama. Sementara itu, permintaan terhadap barangan elektrik dan elektronik yang terus meningkat menyumbang kepada prestasi eksport yang kukuh. Walau bagaimanapun, import minyak yang tinggi mengakibatkan lebihan perdagangan yang lebih rendah di beberapa negara serantau.

Trend inflasi di rantau itu bercampur-campur. Di Thailand dan Indonesia, inflasi menurun sedikit berbanding dengan S4 2005 berikutan harga makanan yang sederhana. Walau bagaimanapun, inflasi di Hong Kong, Singapura dan Filipina meningkat disebabkan terutamanya oleh sewa rumah dan utiliti yang tinggi dan pasaran pekerja yang lebih ketat. Untuk membendung jangkaan inflasi dan mengehadkan kesan inflasi pusingan kedua, Korea, Thailand dan India telah menaikkan kadar faedah. Pada 27 April, RR China juga menaikkan kadar pinjaman satu tahunnya sebanyak 27 mata asas kepada 5.85% (kenaikan pertama sejak bulan Oktober 2004), bertujuan memperlahankan pertumbuhan kredit dan pelaburan yang kukuh.

Dalam **pasaran pertukaran mata wang asing**, dolar AS menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang pada suku pertama. Antara mata wang utama, dolar AS menyusut nilai berbanding dengan euro dan sterling. Euro mendapat manfaat daripada kenaikan kadar ECB dan jangkaan pasaran bahawa beberapa bank pusat akan mempelbagaikan rizab. Sementara itu, mata wang serantau menambah nilai, disokong oleh aliran masuk yang berterusan daripada luar negeri dan optimisme terhadap pertumbuhan ekonomi. Rupiah Indonesia mencatat penambahan nilai tertinggi disebabkan oleh keyakinan pelabur yang bertambah terhadap ekonomi dan minat di kalangan pelabur asing terhadap bon berhasil tinggi Indonesia.

Melangkah ke hadapan, tahap pengembangan ekonomi global dijangka mapan. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko pada pertumbuhan, terutamanya kesan daripada harga minyak dan komoditi yang lebih tinggi.

Negara-negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2005			2006	Faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	9.9	9.9	9.9	10.3	Diterajui oleh pertumbuhan yang pesat dalam pelaburan.
Singapura	3.4	8.7	6.4	10.6	Disokong oleh pengembangan yang kukuh sektor perkilangan dan perkhidmatan.
Hong Kong	6.0	7.5	7.3	8.2	Diterajui oleh eksport, perbelanjaan pengguna dan pelaburan dalam jentera dan kelengkapan.
Korea	2.7	5.3	4.0	6.2[a]	Disokong oleh kekukuhan dalam sektor eksport dan perbelanjaan pengguna.
C Taipei	2.5	6.4	4.1	4.9	Disokong oleh eksport elektronik dan sektor perkilangan.
Indonesia	6.1	4.9	5.6	4.6	Disokong oleh sektor perkhidmatan dan perlombongan.

[a]Anggaran awal
Sumber: Pihak berkuasa negara